

31/05/2001

Tiga tugas utama cabar keupayaan Pemuda

PERGERAKAN Pemuda Umno di bawah kepimpinan Datuk Hishammuddin Tun Hussein sudah menempuh pelbagai onak dan duri. Dihalusi umpama menggunakan mikroskop - bukan saja oleh ahli pergerakan itu, bahkan ahli Umno, bangsa Melayu dan rakyat Malaysia keseluruhannya - memang mudah untuk kesalahan dicari. Daripada dilabel tidak bertaring, lambat memperjuangkan sesuatu isu serta liat untuk turun padang, Pemuda Umno ketika ini kerap dibandingkan dengan era sebelumnya yang lebih menyerlahkan sebuah pertubuhan yang lantang dan berwibawa. Akibatnya, kecaman dan kritikan datang bertalu-talu meskipun sesetengahnya diakui tidak adil dan melulu. Namun, berlawanan daripada jangkaan sesetengah pihak semua kemelut itu memungkinkan rumah tangga Pemuda Umno porak-peranda, Hishammuddin serta barisan Exconya wajar diberi pujian kerana berupaya bangkit untuk kembali meniti landasan sepatutnya.

Siri rundingan Pemuda Umno yang berjaya memujuk Jawatankuasa Rayuan Pilihan Raya Pertubuhan Cina (Suqiu) mengetepikan tuntutan yang membabitkan hak keistimewaan orang Melayu awal tahun ini adalah kredit di pihak mereka. Namun, pujian yang dihamburkan oleh kepimpinan Umno sendiri, seolah-olah kembali melalaikan mereka terhadap tanggungjawab seterusnya. Di sana sini kedengaran tohmahan kononnya segelintir Exco Pemuda Umno mempunyai agenda sendiri yang membawa kepada imej elit gara-gara keengganan sesetengahnya turun padang mendampingi rakyat. Ia menyaksikan Pemuda kembali dilanda krisis identiti hingga mendorong Hishammuddin melaungkan agar sayap kanan Umno itu melebihi bekerja dan mengurangkan retorik.

Andainya Pemuda Umno turut berdepan krisis keutamaan dalam pelan tindakannya, cabaran Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, kelmarin seharusnya memperjelaskan arah dan hala tuju buat mereka. Tiga tugas utama yang diberikan - setiap ahli Pemuda perlu mencari lima ahli baru, mendaftar ahli yang cukup umur sebagai pemilih pilihan raya dan menyiapkan bilik gerakan di setiap cawangan - bukanlah sesuatu yang dapat dilakukan ibarat melepaskan batuk di tangga. Ia memerlukan kepimpinan dinamik, gerak kerja terancang dan lebih penting lagi, iltizam dan kerjasama 700,000 ahli Pemuda Umno di seluruh negara untuk menjayakannya. Statistik dan data akan menjadi ukuran terhadap sejauh mana keberkesanan Pemuda Umno melaksanakannya tanpa sebarang kegagalan dapat diselindung lagi.

Tugas berkenaan memang amat bertepatan buat Pemuda Umno. Merekalah yang harus mendampingi remaja lepasan sekolah, pelajar institusi pengajian tinggi (IPT) dan golongan belia yang aspirasi mereka harus lebih mudah difahami. Tanpa berlengah, apa juga kegiatan yang dapat menarik golongan remaja mendekati parti dan mendaftar sebagai pemilih hendaklah diatur sambil menerangkan kesedaran bahawa setiap undi sangat berharga dalam menentukan kesinambungan perjuangan agama, bangsa dan negara. Ia juga akan menjadi ujian buat 70 peratus daripada 153 bahagian Umno yang menampilkan ketua baru pada peringkat Pemuda dalam pemilihan baru-baru ini. Ringkasnya, tiga tugas utama itu memerlukan semua anggota Pemuda Umno benar-benar bekerja tanpa meluangkan ruang kepada mana-mana daripada mereka sekadar menjadi pemerhati. Hanya dengan cara itu, ikrar Hishammuddin bahawa perjuangan Pemuda Umno akan kembali ke landasan asal dengan bukan saja membela, tetapi mendekati diri dengan rakyat, akan dipraktikkan.

( END )